

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD EDRIS @ TUBAU  
[ LIBARAN ]**

**SOALAN NO. 483**

**Datuk Zakaria bin Mohd Edris @ Tubau [ Libaran ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jelaskan apakah faktor utama kes demam denggi menunjukkan peningkatan ketara 81.8% atau 42,007 kes antara Januari hingga September berbanding tempoh sama tahun lalu dan apakah langkah yang sewajarnya diambil oleh Kementerian dalam membanteras demam denggi dari bertambah serius.

## **JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) memandang serius peningkatan ketara kes demam Denggi di Malaysia pada tahun 2019 jika dibandingkan dengan tahun 2018. Selain itu, peningkatan kes denggi bukan saja berlaku di Malaysia malah pada tahun 2019, peningkatan kes denggi antara satu (1) hingga lapan (8) kali ganda juga berlaku di kebanyakan Negara lain seperti Singapura, Filipina, Kembajo, Laos, Vietnam, China dan Taiwan. Sehingga 21 September 2019, sebanyak 98,184 kes telah dilaporkan berbanding 53,872 kes bagi tempoh yang sama tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 82.3% (44,312 kes). Dalam tempoh yang sama, sebanyak 143 kematian dilaporkan berbanding 88 kematian iaitu peningkatan sebanyak 55 kematian (62.5%).

Faktor yang menyumbang kepada kejadian kes denggi adalah seperti persekitaran yang tidak bersih, pergerakan manusia, urbanisasi, perubahan serotype dan perubahan iklim. Oleh itu, keadaan persekitaran yang kotor dengan bekas-bekas terpakai yang dibuang merata-rata akan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes. Keadaan ini akan memudahkan peningkatan populasi nyamuk Aedes dan meningkatkan penularan virus denggi.

Bagi pergerakan manusia pula, apabila mereka yang telah dijangkiti dengan virus denggi dan bergerak ke kawasan bukan endemik, nyamuk Aedes di kawasan bukan endemik tersebut akan mendapat virus denggi melalui pergerakan ini tadi dan seterusnya akan menyebarkan virus kepada individu lain di kawasan tersebut. Selain proses urbanisasi ini, kepadatan penduduk yang tinggi juga akan memudahkan penyebaran virus denggi di kalangan masyarakat.

Perubahan cuaca terutamanya semasa musim hujan dan panas yang silih berganti antara penyebab peningkatan kes denggi. Semasa musim hujan, bekas terpakai atau tempat pembiakan semula jadi akan diisi dengan air dan ini akan menjadi tempat pembiakan nyamuk Aedes.

Pada musim panas pula, nyamuk *Aedes* menjadi lebih aktif menggigit dan akhirnya meningkatkan penularan virus denggi.

Bagi mengatasi dan mengurangkan masalah denggi di Negara kita, KKM telah melaksanakan tindakan bersepadu iaitu dengan mewujudkan Jawatankuasa Peringkat Kebangsaan Mengenai Denggi yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Kementerian yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia dan Pasukan Petugas Khas Denggi Peringkat Negeri yang dipengerusikan oleh Exco Kesihatan Negeri atau Menteri Besar.

KKM telah bekerjasama dengan pelbagai jabatan dan agensi dalam tindakan bersepadu seperti berikut:-

- a) Aktiviti penguatkuasaan bersepadu oleh PBT, KKM, CIDB, NIOSH menerusi Operasi Gempur Aedes Bilangan 1.0 yang dilakukan dari bulan Januari hingga Mac 2019 dan Operasi Gempur Aedes Bilangan 2.0 dari bulan Julai hingga September 2019, di samping operasi bersepadu bulanan yang dilakukan secara berkala;
- b) Aktiviti Gotong-Royong Perangi Aedes dan aktiviti pembersihan persekitaran oleh KPKT (PBT), RELA, PDRM, KPM, PERPADUAN, ATM serta APM yang dilaksanakan bulan Mac dan September 2019;
- c) Program Patrol Denggi di sekolah dengan penyertaan sebanyak 190 sekolah dan sebanyak 11 buah penyertaan IPT Bebas Denggi pada tahun 2019 di bawah seliaan KPM. Pasukan Khas Pendidikan Kesihatan (PAKAT) dan Pasukan Sukarelawan COMBI yang terdiri dari komuniti untuk melaksanakan aktiviti ‘cari dan musnah’ setiap minggu. Di samping itu, pendidikan mengenai denggi dilakukan juga melalui lawatan dari rumah ke rumah beserta edaran bahan pembunuhan jentik-jentik.

- d) KKM juga telah membelanjakan peruntukan sebanyak RM3.35 juta untuk ‘outsourcing’ bagi aktiviti kawalan dan pencegahan Denggi bagi negeri Johor, Selangor dan Wilayah Persekutuan;
- e) KKM juga sedang menggunakan kaedah inovasi kawalan Denggi dengan menggunakan semburan *Outdoor Residual Spraying* (ORS) yang dilaksanakan di kawasan berstrata hotspot; dan
- f) Inisiatif terkini yang sedang dilaksanakan oleh KKM ialah inovasi kawalan denggi melalui pelepasan telur nyamuk *Aedes* ber*Wolbachia* bagi mengantikan populasi nyamuk *Aedes* liar yang membawa virus Denggi. Dengan kehadiran bakteria *Wolbachia* dalam nyamuk *Aedes*, ia akan merencatkan perkembangan virus denggi dalam badan nyamuk dan mengurangkan risiko jangkitan virus Denggi kepada manusia lain. Operasi ini dilakukan berikutan keputusan kajian IMR yang dapat mengurangkan 50-70% kes denggi di lokaliti kajian. Fasa pertama operasi ini telah dijalankan di 11 lokaliti di Daerah Petaling dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan hasil inovasi ini masih dalam penelitian.

Justeru itu, untuk mengurangkan kes dan kematian Denggi memerlukan tindakan pencegahan dari semua lapisan masyarakat termasuk individu, komuniti dan juga jabatan dan agensi kerajaan yang lain.

Sekian, terima kasih.